

**KERTAS KERJA UNTUK PERTIMBANGAN MESYUARAT
MAJLIS BERSAMA KEBANGSAAN BAGI PEKERJA-PEKERJA
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

**CADANGAN UNTUK MELANTIK PEGAWAI PERUBATAN KE
PERKHIDMATAN AWAM DI GRED U43**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Kertas kerja ini adalah bertujuan untuk memohon pertimbangan Kerajaan mengenai cadangan melantik Pegawai Perubatan memulakan perkhidmatan awam di Gred U 43.

2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 Buat masa kini, Pegawai Perubatan memulakan perkhidmatan di Gred U41. Selain daripada Pegawai Perubatan, Pegawai Farmasi, Pegawai Optometri, Pegawai Audilogi dan Pegawai Dietetik, juga tergolong di dalam Gred Perkhidmatan yang sama.
- 2.2 Sejak akhir-akhir ini, **Pembantu Perubatan (dengan Ijazah) dan Jururawat (dengan Ijazah)** pun tergolong di dalam Gred Perkhidmatan yang sama, iaitu Gred U 41.

3.0 ASAS PERTIMBANGAN

- 3.1 Seorang Pegawai Perubatan mengambil sekurang-kurangnya 6 tahun untuk menamatkan kursus perubatan untuk menjadi seorang doktor berbanding dengan bidang-bidang lain yang hanya memakan masa 3-4 tahun. Oleh kerana rawatan dan perkhidmatan perubatan adalah amat kritikal, adalah munasabah untuk Pegawai Perubatan di lantik untuk memulakan Perkhidmatan di Gred yang lebih tinggi berbanding dengan bidang-bidang lain.
- 3.2 Perlantikan ke Gred yang lebih tinggi juga memberi insentif kepada doktor-doktor untuk berkhidmat dengan lebih giat lagi dan mengurangkan penghijrahan ke sektor swasta
- 3.3 Langkah ini akan meningkatkan lagi jumlah pendapatan seorang doktor yang berkhidmat. Ini disebabkan oleh perbezaan ketara dalam gaji permulaan Gred U 41 (P1T6 = RM 2,137.73) dengan Gred U43 (P1T6 = RM 3299.33) adalah sebanyak RM 1,161.60. Dengan peningkatan pendapatan, akan sedikit sebanyak membantu mengurangkan jurang perbezaan pendapatan yang ketara di antara pegawai perubatan kerajaan dan swasta. Pegawai Perubatan swasta dengan puratanya dibayar gaji permulaan di dalam lingkungan RM 5,000-6,000 sebulan bergantung kepada syarat-syarat perlantikan yang berbeza di kalangan hospital-hospital swasta.

- 3.4 Jurang pendapatan seorang pegawai perubatan tidak jauh bezanya dengan kumpulan sokongan. Jikalau diambil kira dari skop beban tugas kerja seorang pegawai perubatan berbanding dengan kumpulan sokongan, maka jurang pendapatan adalah tidak setimpal.

4.0 IMPLIKASI KEWANGAN

- 4.1 Jika kerajaan bersetuju menimbangkan permohonan ini sudah pasti ianya akan melibatkan pertambahan kewangan. Walaubagaimanapun, ini akan merupakan satu cara untuk mengurangkan doktor-doktor daripada berhijrah ke perkhidmatan kesihatan swasta atau institut pengajian tinggi swasta.
- 4.2 Peningkatan kewangan kepada negara tidak begitu tinggi dan ini secara langsung akan memberi ganjaran yang lebih kepada doktor-doktor kerajaan, setimpal dengan Wawasan Malaysia ke arah negara maju menjelang tahun 2020.

5.0 KESIMPULAN

- 5.1 Permohonan ini adalah untuk menyeru kerajaan memberi lebih ganjaran yang setimpal dengan beban tugas kerja yang kritikal dan insentif untuk pegawai-pegawai perubatan untuk kekal berkhidmat sebagai pegawai kerajaan.

6.0 SYOR

- 6.1 Berdasarkan kepada penjelasan di atas, Mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-pekerja Pengurus dan Professional dipohon untuk menimbang syor untuk melantik Pegawai Perubatan memulakan perkhidmatan awam di Gred U 43.